

Penguasaan

ilmu sains ^{B.H M/S 17}
~~09~~ 09/01/07

perkokuh iman

ISLAM mementingkan soal penerokaan serta penguasaan ilmu pengetahuan bagi memantapkan keimanan dan kesejahteraan hidup manusia. Justeru, banyak firman Allah menyuruh kita mencari ilmu pengetahuan.

Umat Islam melalui zaman kegemilangan dan berjaya membina ketamadunan, kegemilangan serta kejayaan mendahului barat dengan kemajuan penerokaan ilmu perubatan, kimia, matematik, astronomi dan sebagainya.

Sesungguhnya pemacu kepada ketamadunan dan kegemilangan yang dicapai umat Islam ketika itu adalah atas dasar iman dan takwa serta natiyah penerokaan ilmu oleh ulama dan sarjana Islam.

Antara tokoh ilmuwan dan sarjana Islam yang disanjung hingga hari ini ialah Ibnu Sina, Ibnu al-Haitham, Al-Farabi, Al-Biruni, Al-Khawarizmi dan ramai lagi kerana mereka banyak berjasa menyumbang dalam penerokaan ilmu masing-masing.

Penerokaan dan kesungguhan mereka mengkaji serta menggali isi kandungan al-Quran menjadi serampang dua mata, di samping dapat meneroka ilmu yang tidak pernah diterokai barat selain hasil kajian mendekatkan diri mereka kepada Allah.

Sains antara cabang ilmu dalam ajaran Islam yang berperanan sebagai alat untuk memelihara lima perkara utama Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, akal, nyawa, keturunan dan harta.

Menyedari hakikat ini ulama Islam terawal berusaha gigih menjalankan pelbagai penyelidikan dalam bidang itu di mana berkat kesungguhan mereka, tamadun Islam berkembang cemerlang.

Persoalannya, mengapa pencapaian gemilang umat Islam dulu hanya tinggal kenangan sebaliknya umat Islam masa kini dilabelkan sebagai mundur, lemah, miskin, jumud dan pelbagai tanggapan negatif.

Sedangkan ulama terdahulu sudah merintis laluan dalam bidang pengkajian masing-masing dan sewajarnya umat Islam kini meneruskan kesinambungan itu dengan lebih giat.

Sesungguhnya sains berkait rapat dengan akidah dan kepercayaan. Penguasaan dalam bidang itu memperkokuhkan akidah umat Islam dan sekaligus mengungguli bidang ilmu sains.

Oleh itu, marilah bersama mengorak langkah ke arah penguasaan ilmu dalam usaha menjadikan masyarakat kita sebagai masyarakat yang berdaya saing, produktif dan inovatif bertasarkan kepada ilmu pengetahuan.

Kesimpulannya, Islam sememangnya mahu umatnya memiliki minda saintifik, kuat berfikir, kritis, mampu menganalisis data dan fakta serta mampu membuat andaian dan rumusan terhadap apa yang dicerap.